

# Pinjaman Kredit Mikro dilulus

UM - 9 JUL 2003  
Oleh MAHATHIR KAMARUDDIN  
dan AKMAR HISHAM MOKHLES

**P**UTRAJAYA 8 Julai — Jumlah pinjaman Skim Kredit Mikro yang diluluskan di bawah Bank Pertanian Malaysia (BPM) telah meningkat empat kali ganda berbanding minggu pertama skim pinjaman mudah itu dilancarkan.

Menteri Kewangan II Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis berkata, sehingga 26 Jun lalu sebanyak 10,000 permohonan telah diterima

denegan iumlah yang diluluskan mencecah 5,000 peminjam.

“Kelulusan tersebut melibatkan RM60 juta daripada RM500 juta yang diperuntukkan berbanding hanya RM15 juta dikeluarkan pada minggu pertama dilancarkan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Jamaluddin berkata, berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan itu, jelas menunjukkan bahawa penyaluran pinjaman mudah tersebut semakin berjalan lancar.

Malah beliau yakin, jumlah kelulusan pinjaman akan terus bertambah selepas ini.

Bagaimanapun, Jamaluddin berkata, pengagihan pinjaman itu melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) masih kurang memberangsangkan.

Ini kerana sehingga 26 Jun lalu, hanya 40 permohonan sahaja yang telah diluluskan membabitkan nilai pinjaman RM1 juta.

Menurut Jamaluddin, jumlah itu adalah amat rendah berbanding jumlah pemohon yang mencecah 4,000 orang.

Skim Kredit Mikro kendalian BPM dan BSN diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 21

## BPM meningkat

Mei lalu di bawah Pakej Strategi Baru (PSB) ekonomi.

Skim tersebut menawarkan kadar maksimum RM20,000 bagi setiap pinjaman.

Walaupun begitu, skim kendalian BPM hanya menumpukan kepada peniaga dan industri di sektor pertanian manakala skim kendalian BSN dibuka kepada peniaga dan pengusaha kecil bukan sektor pertanian.

Skim kendalian BSN turut memberikan tumpuan kepada peniaga kecil wanita yang memohon pinjaman di bawah RM20,000.

Pinjaman kendalian BPM ditawarkan sama

ada berkadar faedah empat peratus atau berlandaskan syariah, diberikan tanpasebarang cagaran manakala pembayaran semula adalah berdasarkan aliran tunai.

Pihak kendalian BPM pula akan memantau dan mengawal kutipan bayaran balik pinjaman yang boleh diluluskan dalam masa 24 jam atau selewatnya dua hari sahaja sekiranya permohonan yang dikemukakan lengkap.

Sementara itu, skim kendalian BSN menetapkan masa dua minggu untuk mendapatkan kelulusan dan permohonan boleh dibuat di semua 407 cawangan BSN di seluruh negara.